

ལྷ་སྐུ་འཕྲུལ་ལའེའུཤལ་གསལ་ལྟོ་ལྷ་སྐུ་འཕྲུལ་ལའེ།

# LAGU KEMENANGAN

Dikarya oleh Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche

Diulas oleh Khenpo Sodargye





# LAGU KEMENANGAN

SUARA INDAH DARI GENDANG CAKERAWALA

Dikarya oleh Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche

Diulas oleh Khenpo Sodargye

# Isi Kandungan

<b>RANGKA KANDUNGAN</b>	<b>1</b>
<b>ULASAN</b>	<b>5</b>
1 Kepentingan Teks	5
2 Latar Belakang Teks	7
3 Pendahuluan	9
Tajuk	9
PENGHORMATAN	12
4 Teks Utama	19
Galakkan untuk Mempraktikkan Vajrayana	19
Galakkan untuk Membangkitkan Minda Bodhicitta	26
Galakan untuk Membangkitkan Nekkhamma	33
Mendorong untuk Membangunkan Keperibadian Berakhlak	40
5 Penutup	48
Dedikasi	48
Latar Belakang Pengarangan Lagu	49

# Rangka Kandungan

## A1: Pendahuluan

### B1: Tajuk

Lagu Kemenangan - Suara Indah Dari Gendang Cakerawala

### B2: Penghormatan

Perwujudan kebijaksanaan semua buddha, yang merupakan pelindung dari semua makhluk hidup,  
Manjughosha yang terhormat, yang tampil sebagai anak muda,  
Semoga anda kekal di hatiku, benih teratai lapan kelopak, buat selama-lamanya,  
Berkatilah saya, supaya kata-kata saya dapat memberi manfaat kepada semua makhluk hidup.

## A2: Teks Utama

### B1: Galakkan untuk Praktikal Vajrayana

#### C1: Pahala Mempraktikkan Vajrayana yang Teragung

Kesempurnaan Besar, mendalam dan bercahaya,  
Dengan hanya mendengar ayat-ayatnya membolehkan seseorang memutuskan akar samsara,  
Dan melalui latihan inti pati selama enam bulan membolehkan mencapai pembebasan,  
Semoga ini terukir dalam hati anda semua.

## **C2: Sebab dan Syarat Mempraktikkan Vajrayana**

Mereka yang keberuntungan menemui pengajaran tertinggi ini,  
Pasti telah mengumpulkan pahala dalam setiap kelahiran pada masa lampau dan mempunyai syarat yang sama untuk mencapai pencerahan dengan Buddha Samantabhadra.

Sahabat Dharma sekalian, semoga anda semua gembira untuk diri sendiri.

## **B2: Galakkan untuk Membangkitkan Minda Bodhicitta**

### **C1: Sebab-sebab Membangkitkan Bodhicitta**

Demi semua makhluk hidup yang tenggelam di lautan samsara yang ngeri,

Untuk menolong mereka mencapai kebahagiaan abadi Buddha,

Anda harus memikul tanggungjawab untuk memberi manfaat kepada orang lain,

Dan buanglah sifat kelekatan yang ibarat makanan beracun dari diri anda.

### **C2: Pahala Membangkitkan Bodhicitta**

Ini bukan sahaja dapat menyekat pintu ke alam rendah,  
Malahan membolehkan anda mencapai kebahagiaan alam tinggi,  
Dan akhirnya membawa anda ke pembebasan hakiki dari samsara,  
Anda harus mengamalkan pengajaran penting ini tanpa terganggu sama sekali.

## **B3: Galakkan untuk Membangkitkan Nekkhamma**

### **C1: Pahala Mematuhi Sila**

Bagi acara-acara besaran di Samsara, tiada sebarang nafsu keinginan,  
Praktikkanlah Sila murni yang merupakan perhiasan indah di dunia,  
Di mana manusia dan tuhan turut memberikan persembahan tertinggi.

## **C2: Kesalahan Melanggar Sila**

Memandangkan kebahagiaan sementara mahupun hakiki kesemuanya dihasil daripada mematuhi sila murni,

Sebaliknya melanggar sila akan menyebabkan seseorang mendapat kelahiran semula di alam yang lebih rendah,

Anda mesti tahu membuat pilihan yang tepat tanpa kebingungan.

## **B4: Galakkan untuk Membangunkan Keperibadian Berakhlak**

### **C1: Sebab-sebab Membangunkan Keperibadian Berakhlak**

Sentiasa mematuhi rakan-rakan anda dalam perkataan dan perbuatan, Jadilah seorang yang berintegriti dan baik hati.

Bagi mendapatkan keuntungan diri sendiri untuk jangka masa panjang,

Memberi manfaat kepada orang lain pada masa sekarang adalah petunjuk pithnya.

### **C2: Pahala Memelihara Keperibadian Berakhlak**

Ini merupakan piawai untuk seseorang menjadi insan yang suci dan murni,

Dan merupakan cara mahir dari semua Buddha masa lalu, masa kini mahupun masa depan,

Ini juga merupakan inti dari pengajaran empat dharma tarikan.

Wahai setiap anak muridku, janganlah anda semua lupakan!

## **A3: Penutup**

### **B1: Dedikasi**

Saya mendedikasikan kebajikan ini kepada semua makhluk,

Semoga mereka mengatasi jurang samsara.

Semoga semua murid hati saya bahagia,

Dan terlahir ke Alam Sukhavati.

## **B2: Latar Belakang Pengarang Lagu**

Pada kitaran ketujuh belas dalam kalender Tibet dan juga tahun tikus api, Guru dan para murid telah mengatasi semua halangan luaran, dalaman, dan rahsia. Pada hari yang menggembirakan ini, Ngawang Lodro Tsungmed meraikan kemenangan itu dan menyanyi secara langsung di kalangan hampir lima ribu orang rahib, Sādhu!

# Ulasan

Oleh Khenpo Sodargye

## Kepentingan Teks

Kegiatan dharma dalam kehidupan Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche dapat dibahagi kepada enam fasa utama. Setiap fasa ditandai dengan teks arahan pith yang penting. Enam teks ini masing-masing ialah *Nasihat Subuh*, *Nasihat Ikhlas*, *Nasihat Titisan Nektar*, *Lagu Kemenangan*, *Ajaran Empat Kenderaan*, dan *Ajaran Semasa Berpengaruh Kepada Semua yang Muncul dan Ada*. Di samping itu, juga terdapat ajaran yang diberi sebelum Yang Mulia memasuki nirvana.

Teks-teks ini tidak seperti artikel biasa dari kajian penyelidikan akademik yang diambil bertahun-tahun, tetapi ia merupakan inti dari kebijaksanaan Yang Mulia yang diperoleh dari kajian, refleksi, dan latihan sepanjang hayat. Melalui pencerahan yang dicapai, biografi dan pahalanya dari semua aspek telah membuktikan bahawa beliau seorang master yang suci dan juga telah mencapai pencerahan dalam setiap hidupnya mulai dari zaman Buddha Shakyamuni hingga ke zaman Guru Padmasambhava. Beliau bukan sahaja mengumpulkan karma baik yang banyak dalam kehidupan sebelumnya, bahkan sepanjang hidupnya sekarang. Beliau telah menghabiskan lebih dari 60 tahun untuk menumpukan perhatian pada kajian, refleksi dan praktik ajaran Buddha mulai sekitar usia 5 tahun dan telah melanjutkan hingga akhir umur 60-an. Yang Mulia telah



mengabdikan seluruh hidupnya untuk semua makhluk hidup dan agama Buddha. Kata-kata dan ajarannya dari kebijaksanaan yang begitu mendalam amatlah berharga.

*Lagu Kemenangan* ialah Doha vajra yang dinyanyikan oleh Yang Mulia di hadapan hampir lima ribu orang sangha pada hari perayaan kemenangan yang bertuah dalam Kalender Tibet, 21 September 1996, ketika Yang Mulia dan murid-muridnya telah mengusirkan semua halangan luaran, dalaman dan rahsia.

Mereka yang mempunyai kebijaksanaan akan memahami sepenuhnya betapa transendensi *Lagu Kemenangan* setelah mempelajarinya. Dulu, ketika Yang Mulia memberi ajaran, pada mulanya kami tidak menyedari betapa besar nilainya. Walau bagaimanapun, setelah kontemplasi Dharma secara berterusan dan pendedahan kepada pelbagai doktrin agama seiring berlalunya masa, kami menyedari bahawa Yang Mulia memang paling luar biasa di kalangan manusia.

Sebenarnya, walaupun Buddha mengajar lapan puluh empat ribu ajaran, kita tidak dapat menguasai semuanya dalam satu hayat. Namun sekarang, Yang Mulia berdasarkan amalan dan kesedarannya telah meringkaskan ajaran-ajaran itu ke dalam petunjuk pith yang indah ini, kita harus menghargai dan berusaha memahami maksudnya yang mendalam.

Secara teori, pengamal dharma haruslah mempelajari sutra dan tantra secara meluas, seperti Lima Tesis Besar Mahayana. Namun kehidupan ini adalah pendek dan sukar untuk mengetahui tempoh

hidup seseorang. Banyak perubahan akan berlaku hanya dalam beberapa saat dan tiada yang pasti. Oleh itu, kajian teks pendek yang mengandungi petunjuk pith yang hebat adalah sangat bernilai kepada semua pengamal; jika tidak, mereka mungkin tidak cukup bersedia ketika tibanya masa untuk meninggalkan dunia ini.

Yang Mulia meminta semua murid keturunannya mengajar atau melantunkan *Lagu Kemenangan* sekali sebelum mereka mengajar atau mempelajari teks Dharma, supaya segala rintangan yang mungkin terjadi dapat dielakkan. Begitu juga, jika seseorang bercita-cita untuk mengikuti Dharma, melafazkan teks ini sekali sebelum itu akan menjadikan cita-cita mereka menjadi kenyataan dan melindungi mereka daripada menghadapi apa-apa halangan. Selain itu, segala halangan yang mungkin dihadapi semasa belajar atau mempraktikkan Dharma, dapat diperbaiki hanya dengan membaca teks ini ataupun membawanya bersama tidak kira di mana jua. Oleh itu, Yang Mulia berulang kali meminta sesiapa sahaja yang sarana atau bergantung kepadanya, haruslah menghafal *Lagu Kemenangan* dan memahami maknanya yang mendalam.

## Latar Belakang Teks

Pada September 1995, Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche merancang untuk mengunjungi ke Taiwan dan kemudian bertolak ke Nepal untuk tinggal di gua Padmasambhava dan menjalankan Retret Buddha Amitayus di situ. Tetapi setelah dia tiba di Chengdu, terdapat beberapa masalah yang berkaitan dengan pemprosesan

permohonan pasportnya. Kesihatan fizikalnya juga mengalami kemerosotan dan hospital di Chengdu tidak dapat mendiagnosis penyebab penyakitnya. Akibatnya, beliau tinggal di Chengdu lebih daripada lima bulan. Waktu itu, Yang Mulia kekal dalam keadaan Samadhi kecuali pada waktu makan. Beliau tidak mengucapkan sepatah kata pun.

Kemudian pada suatu malam, Yang Mulia telah bermimpi Yang Mulia Atisha, Yang Mulia Dromtonpa, Ju Mipham Rinpoche dan Lama Lodro, semuanya muncul kepadanya. Yang Dihormati Atisha memberikan renungan yang penuh kasih kepada Yang Mulia tanpa sepatah kata. Yang Mulia Dromtonpa pula berkata, “Kami datang ke sini sebab Yang Mulia Atisha sangat mengambil berat terhadap anda. Gelombang lautan yang besar ini akan berakhir pada 10 Mac, adakah anda memahami implikasinya? (Dengan ini beliau bermaksud bahawa penyakit Yang Mulia akan sembuh sepenuhnya pada ketika itu). Yang Dihormati Atisha dan Yang Mulia Dromtonpa kemudian menghilangkan diri.

Ju Mipham Rinpoche tetap duduk dengan megah, berdoa kepada Padmasambhava dengan kuat dan secara murka untuk menghilangkan semua rintangan luaran, dalaman, dan rahsia serta untuk mengalahkan pelbagai jenis kejahatan yang ditunjukkan dari kekeliruan dan pembezaan. Selepas itu, dia mengubah dirinya menjadi kilatan cahaya dan terus hilang.

Lama Lodro memberikan beberapa nasihat yang penuh belas kasihan: “Anda harus menetap dalam kecerahan kesempurnaan,

iaitu kesatuan besar antara penampilan dan kekosongan. Dari penumpuan yang mendalam ini, anda mesti memberi manfaat kepada semua makhluk hidup dengan Bodhicitta, saling menukar kebahagiaan anda dengan penderitaan mereka. Kemudian, segala kesukaran akan hilang menjadi kekosongan.” Dia juga memberikan beberapa ajaran yang lain sebelum menghilangkan diri.

Selepas mimpi, Yang Mulia semakin pulih dan seperti yang diramalkan oleh Yang Mulia Dromtonpa, beliau telah pulih sepenuhnya pada 10 Mac. Sekembalinya ke Larung Gar, kedatangan Yang Mulia dialu-alukan oleh murid-muridnya dan beliau menyanyikan *Lagu Kemenangan* secara langsung di kalangan perhimpunan semua murid yang seramai empat kali ganda. Kebahagiaan pada waktu itu tidak dapat digambarkan. Yang Mulia juga menamakan perhimpunan murid-murid Han sebagai *Tanah Tundukkan Mara* yang melambangkan kemenangan besar.

## **Tajuk Teks**

### **A1: Pendahuluan**

#### **B1: Tajuk**

#### **Lagu Kemenangan - Suara Indah Dari Gendang Cakerawala**

### a. Maksud Tajuk

Dalam tajuk tersebut, *Kemenangan* bermaksud pengamal dapat menghilangkan semua halangan luaran, dalaman, dan rahsia serta mencapai kemenangan sepenuhnya melalui restu guru dan Tiga Mustika. *Lagu* merujuk kepada Doha, sebuah lagu yang dinyanyikan secara langsung oleh makhluk hidup yang tercerahkan pada tahap kesedaran tertentu. *Gendang cakerawala* ialah gendang besar di langit ketiga puluh tiga dan ia muncul disebabkan oleh pahala besar makhluk cakerawala.

*Lagu Kemenangan* ini digambarkan dengan metafora “*Suara Indah Dari Gendang Cakerawala*” kerana gendang ini mempunyai suara semula jadi yang bermaksud “Wahai makhluk-makhluk cakerawala sekalian, jangan takut”. (Sewaktu makhluk cakerawala memerangi Asura, dengan bantuan suara indah dari Gendang Cakerawala mereka akhirnya berjaya mengalahkan Asura dan memenangi pertempuran.) Oleh itu, tajuk ini melukiskan analogi berkenaan antara *Lagu Kemenangan* dengan *Suara Hebat dari Gendang Cakerawala*. Teks pendek ini mengandungi intipati dari semua ajaran sutrayana dan tantrayana, begitu juga petunjuk pith yang mendalam dari latihan sepanjang hayat Yang Mulia.

### b. Empat Aspek Utama Jalan

Dalam *Tiga Aspek Utama Jalan*, Lama Tsongkhapa membincangkan tiga aspek utama, iaitu Nekkhamma, bodhichitta,

dan kebijaksanaan bukan dualistik. Walau bagaimanapun, dalam teks pendek ini, Yang Mulia merumuskan keseluruhan jalan pencerahan menjadi empat aspek utama, termasuklah aspek tambahan berikut, keperibadian berakhlak. Tambahan pula, kebijaksanaan bukan dualistik boleh dijelaskan dalam kedua-dua jalan Mahayana dan Vajrayana. Dalam *Lagu Kemenangan*, kebijaksanaan bukan dualistik ini dijelaskan dari perspektif Kesempurnaan Besar, atau Dzogchen, iaitu tahap kesedaran tertinggi dalam amalan Vajrayana yang berdasarkan pandangan kekosongan di ajaran Mahayana.

Kesempurnaan Besar adalah pencerahan yang paling diingini dan patut dikejar oleh pengamal-pengamal rohani. Apakah prasyarat pencerahan seperti itu? Jawapannya bodhicitta. Tanpa bodhicitta, seperti yang dikatakan oleh Shantideva dalam *Jalan Bodhisattva*, maka tiada cara untuk seseorang mencapai pencerahan sepenuhnya, tidak kira seberapa besar pahala yang dimilikinya. Bagaimana pula bodhicitta dapat timbul dalam fikiran seseorang? Untuk ini berlaku, seseorang terlebih dahulu perlu memiliki Nekkhamma yang seharusnya didasarkan keperibadian yang luhur. Oleh itu, urutan amalan seharusnya sebegini: keperibadian yang baik untuk menjadi orang baik, Nekkhamma untuk meninggalkan semua keterikatan duniawi, aspirasi bodhicitta untuk membimbing semua kehidupan makhluk hidup bagi mencapai Kebuddhaan, dan akhirnya, amalan Dzogchen untuk mencapai pencerahan sepenuh dalam satu hayat. Ini adalah empat aspek utama dari jalan yang dirumuskan dalam *Lagu Kemenangan* ini.

## Penghormatan kepada Manjusri

### B1: Penghormatan

**Perwujudan kebijaksanaan semua buddha, yang merupakan pelindung dari semua makhluk hidup,**

**Manjughosha yang terhormat, yang tampil sebagai anak muda, Semoga anda kekal di hatiku, benih teratai lapan kelopak, buat selama-lamanya,**

**Berkatilah saya, supaya kata-kata saya dapat memberi manfaat kepada semua makhluk hidup.**

#### a. Pengabdian Ikhlas kepada Manjushri

Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche berkata dalam ayat ini, “Buddha dari semua dunia di sepuluh arah adalah pelindung kepada semua makhluk hidup. Kebijaksanaan keseluruhan semua Buddha dari sepuluh arah terkandung dalam Manjushri, seorang yang tampil sebagai anak muda untuk memberi manfaat kepada semua makhluk hidup. Saya berdoa agar Manjushri memenuhi hati teratai lapan kelopak saya dengan cahaya berkat matahari terang dan terus kekal di dalam benak hati teratai saya. Saya berdoa bahawa, dengan kekuatan belas kasihan Manjushri, kata-kata saya dapat memberikan manfaat kepada semua makhluk hidup di dunia ini.”

Di sini dibuat analogi antara teratai lapan-kelopak dengan hati, ia mempunyai banyak makna luaran, dalaman dan rahsia di Vajrayana dan tidak akan bincang secara terperinci di sini.

Ini adalah penghormatan kepada Manjushri. Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche menganggap Manjushri sebagai dewa utamanya setelah bertemu secara langsung di Gunung Wutai. Setiap kali beliau mengarang teks, beliau akan memberi penghormatan kepada Manjushri terlebih dahulu. Ini menunjukkan kepercayaannya yang luar biasa terhadap Manjushri.

Yang Mulia sering terjalin hubungan erat dengan Manjushri sejak kecil lagi. Menurut biografinya, beliau membacakan mantra Manjushri, *om arapacana dhiih*, dengan lantang seurus selepas beliau dilahirkan sebagai bayi. Pada usia 6 tahun, beliau terjumpa satu salinan *Pidato Singa oleh Manjushri* yang tersembunyi di tumpukan batu dan mendapati pada hujung ayat menyatakan bahawa terdapat seorang lelaki di India yang berusia 99 tahun telah berjumpa dengan Manjushri dan mencapai pencerahan hanya dengan latihan satu hari.

Yang Mulia pun berfikir, "Sekiranya seorang yang tua dapat bertemu dengan Manjushri hanya setelah satu hari berlatih, saya seharusnya juga dapat berlatih dan mencapai pencerahan tanpa masalah kerana saya bermula pada usia muda." Beliau amat gembira dan berlatih dengan penuh tumpuan selama beberapa hari. Akhirnya, beliau mengalami banyak tanda pencapaian serta dapat menguasai semua kitab suci dan ulasan dalam sutra dan tantra secara semula jadi.

Yang Mulia sering menegaskan bahawa pengamal dharma haruslah melafazkan mantra Manjushri secara kerap dan sering berdoa kepada Manjushri kerana kekuatan berkat daripada



Manjushri cukup istimewa jika berbanding dengan Buddha-buddha lain. Sebagai makhluk biasa, kita tidak dapat menentukan sama ada berkat Buddha Shakyamuni ataupun berkat Bodhisattva Manjushri lebih berkuasa, tetapi amat mungkin untuk membuat pertimbangan yang wajar mengikut sutra yang relevan kerana ini sudah dijelaskan dalam sutra yang berkaitan.

Di permukaan, Manjushri muncul sebagai bodhisattva. Tetapi berdasarkan apa yang disebutkan dalam sutra, beliau sebenarnya telah mencapai Kebuddhaan sejak lama dan adalah penjelmaan dari agregat kebijaksanaan Buddha dan Bodhisattva sepuluh arah dari semua dunia dan dianggap sebagai bapa para buddha. Beliau membimbing makhluk hidup yang tidak terbingga untuk mencapai Kebuddhaan dengan memotivasi mereka supaya membangkitkan bodhicitta. Oleh itu, kekuatan berkatnya adalah luar biasa.

Semua orang boleh dapat keuntungan dari keberkatan Manjushri. Kuncinya terletak pada kepercayaan sahih seseorang terhadapnya. Seperti pengalaman saya, suatu ketika saya telah berkunjung ke Gunung Wutai dan begitu harap dapat berjumpa dengan Manjushri secara langsung. Walaupun tidak terjumpa Manjushri pada akhirnya, saya mendapati beberapa berkat yang dinyatakan dalam kebolehan saya untuk menghafal dan membaca teks dharma dengan sepenuhnya walaupun hanya membaca beberapa kali sahaja. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa orang yang berlainan mungkin mempunyai tahap iman yang berbeza, tetapi selagi diberkati oleh Manjushri, semua kitab suci dan ulasan sutra serta tantra akan muncul dalam fikiran mereka. Sekiranya seseorang

sentiasa berdoa kepada Manjushri, kebijaksanaan akan diberi kepadanya sepanjang hayat. Sementara itu, berkat dari semua buddha dapat disatukan dan diteruskan dalam kesinambungan fikirannya.

### **b. Kisah Hebat Manjushri**

Suatu ketika Buddha sedang mengajar Dhamma di Puncak Burung Nesar, dalam kota di kaki gunung terdapat seorang pelacur yang bernama Sinar Emas Ajaib. Dia sangat cantik dan menarik. Tetapi lebih mengagumkan, seluruh badannya bersinar aura emas. Oleh itu, maharaja, menteri, dan semua jenis lelaki sangat terpesona kepadanya. Walaupun dia hanya pelacur dari kasta rendah, tetapi dia sering dikepung orang ramai.

Pada suatu hari, dia menemani seorang anak pemilik perniagaan dalam perjalanan membeli-belah di pasar. Mereka merancang untuk bermain di taman hiburan. Manjushri pula, dalam sepanjang perjalanan telah mengubahkan dirinya menjadi seorang pemuda yang tampan. Beliau tahu sudah tiba masanya untuk menyedarkan Sinar Emas Ajaib. Seluruh tubuhnya bersinar dengan cahaya yang sangat mempesona. Sinar Emas Ajaib mendapati cahaya yang terpancar dari pemuda itu jauh melebihi dirinya dan ketika dia berdiri di bawah cahayanya, cahaya sendirinya memudar. Dia menjadi tamak terhadap pakaianya, dan segera meninggalkan anak pemilik perniagaan. Dia keluar dari kenderaan yang mereka naiki dan cuba menggoda pemuda itu dengan kecantikannya.

Pada saat itu, Manjushri memberi kuasa kepada Vaisravaṇa untuk menasihati Sinar Emas Ajaib. Vaisravaṇa kata kepadanya, “Anda tidak boleh membangkitkan keserakahan anda terhadap pemuda itu kerana dia ialah Bodhisattva Manjushri yang merupakan gabungan dari semua kebijaksanaan buddha. Dia dapat memenuhi semua keinginan anda. Adakah apa-apa yang anda perlukan?” Sinar Emas Ajaib berkata, “Saya tidak memerlukan apa-apa kecuali pakaiannya yang cantik.” Manjushri terus menjawab, “Jika anda dapat memasuki pintu Bodhi, saya akan memberikan pakaian saya kepada anda.” Sinar Emas Ajaib tidak memahami apa yang terjadi, Manjushri pun kemudiannya memberikan arahan terperinci kepadanya.

Di Puncak Burung Nasar, Shakyamuni Buddha menyuarakan pujiannya dengan mengatakan “Syabas!” semasa Manjushri menjalankan pengajaran dan itu telah mengejutkan kosmos sejuta alam semesta. Pengikut Manjushri bertanya kepada Buddha mengapa dia mengatakan sebegini. Buddha menjawab, “Bodhisattva Manjushri sedang mengkhotbahkan buddhadharma dengan belas kasihan dan kebijaksanaan untuk menyedarkan seorang pelacur. Anda boleh pergi ke sana jika anda mahu mendengar.” Oleh itu, banyak murid Buddha bergerak ke tempat Manjushri. Beberapa murid memperoleh kemurnian mata dharma untuk melihat kebenaran dengan jelas dan murni. Ada yang memahami sepenuhnya tentang kebenaran tidak lahir; ada yang dicapai hasil yang tidak regresif... Berpuluh ribu makhluk hidup menerima faedah yang sepadan setelah mendengar ajaran Manjushri.

Sinar Emas Ajaib juga mengembangkan pemahaman yang tegas terhadap teori tentang tiada apa-apa pun mempunyai sifat diri sendiri. Dia benar-benar ingin mengikuti Manjushri dan menjalani kehidupan sebagai seorang biarawati. Namun Manjushri memberitahunya bahwa Nekkhamma tidak semestinya berarti seorang mencukur kepalanya, malah melibatkan latihan buddhadharma dengan tekun dan melepaskan kepentingan diri demi kepentingan orang lain. Manjushri juga menasihatinya untuk kembali ke kenderaan anak pemilik perniagaan dan pergi bersamanya.

Ketika Sinar Emas Ajaib dan anak pemilik perniagaan tiba di taman hiburan, mereka merasakan ketidakkekalan ketika Sinar Emas Ajaib meninggal dalam pelukan anak pemilik perniagaan. Pada asalnya, anak pemilik perniagaan itu sangat sedih. Tetapi ketika tubuh Sinar Emas Ajaib mulai busuk beransur-ansur dengan darah dan nanah keluar dari mata, telinga, lubang hidung serta mulutnya dan bau busuk keluar dari tubuhnya, anak pemilik perniagaan itu merasa sangat takut dan berlari ke Puncak Burung Nasar untuk meminta perlindungan dari Buddha Shakyamuni. Buddha Shakyamuni menyampaikan buddhadharma kepadanya dan dia memahami sepenuhnya kebenaran tanpa kelahiran. Sang Buddha kemudian meramalkan: “Kerana pemberdayaan Bodhisattva Manjushri dalam menginspirasi motivasinya, Sinar Emas Ajaib akan mencapai Kebuddhaan di tanah Buddha pada masa depan. Dia akan diberi nama Buddha Terang Bernilai dan anak pemilik perniagaan akan menjadi bodhisattva yang bertindak bagi pihaknya, dengan nama Bodhisattva Kecemerlangan Berakhlak.”

Anak pemilik perniagaan itu bingung, “Mengapa murid Bodhisattva Manjushri, Sinar Emas Ajaib mencapai Kebuddhaan tetapi saya, sebagai murid Buddha, hanya akan menjadi seorang bodhisattva? ” Dia tidak dapat memahaminya. Sang Buddha pun berkata, “Pahala dari Bodhisattva Manjushri sukar dibayangkan. Kali pertama Saya bernazar untuk mengembangkan Bodhicitta juga di hadapan Manjushri, begitu juga bagi jumlah Buddha yang tak terbilang pada masa lalu. Jadi, terdapat bilangan Buddha yang tak terbilang pada masa sekarang dan juga bilangan Buddha yang tak terbilang pada masa akan datang.”

### **c. Motivasi Tepat daripada Menerima Pengajaran**

Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche menyusun teks ini bukan demi pulih dari penyakit tenatnya , atau untuk menjadi kaya mahupun untuk mendapatkan kebahagiaan demi diri sendiri. Sebaliknya, dia mendoakan restu Manjushri agar dapat memberi manfaat kepada semua makhluk hidup secara sementara ataupun muktamad melalui kata-kata dan ajarannya. Begitu juga, kita harus memeriksa motif diri semasa menerima pengajarannya. Sebilangan orang kacau-bilau bersama tanpa arah tujuan. Mereka terlihat orang lain mengikuti pengajaran, jadi mereka pun turut mengikutinya tanpa tujuan tertentu. Sebenarnya, manfaatkan makhluk hidup yang ramai haruslah dijadikan tujuan menerima ajaran Dharma dan bukan hanya untuk kepentingan diri sendiri. Setiap pengamal harus menyesuaikan motivasinya dengan arah ini.

## **Pahala Mempraktikkan Vajrayana yang Teragung**

### **A2: Teks Utama**

#### **B1: Galakkan untuk Mempraktikkan Vajrayana**

##### **C1: Pahala Mempraktikkan Vajrayana yang Teragung**

**Kesempurnaan Besar, mendalam dan bercahaya,  
Dengan hanya mendengar ayat-ayatnya membolehkan  
seseorang memutuskan akar samsara,  
Dan melalui latihan inti pati selama enam bulan membolehkan  
mencapai pembebasan,  
Semoga ini terukir dalam hati anda semua.**

#### **a. Pahala Dzogchen yang Luar Biasa**

Kesempurnaan Besar yang teragung menyatakan inti cahaya tathagatagarbha. Adalah sukar bagi orang biasa untuk memahaminya secara penuh dan sering dikritik oleh mereka yang miskin kebijaksanaan. Namun, seseorang dapat memotong akar penyebab samsara hanya dengan mendengar ayat-ayatnya. Bagi mereka yang berkebolehan besar dapat mencapai pembebasan jika mereka tekun mengamalkan intinya selama enam bulan. Oleh itu, Kesempurnaan Besar ini haruslah terukir di dalam hati kita.

Kesempurnaan Besar merupakan inti dari semua sutra serta tantra dan pahalanya melebihi semua penerangan. Seseorang dapat memperoleh pembebasan dengan mendengar kata-katanya, menyentuh teksnya, meletakkannya pada badan seseorang atau

memahami maknanya. Menurut *Empat Ratus Rangkap di Jalan Tengah* oleh Aryadeva, orang yang ragu-ragu terhadap kekosongan turut dapat dipatahkan dari kitaran kewujudan tiga alam. Maka, lagi benar untuk mereka yang telah belajar Vajrayana yang teragung.

Sekiranya seseorang dengan kepercayaan yang luar biasa dan keyakinan yang kuat mengamalkan Dzogchen mengikuti urutan penyediaan, amalan utama, dan kesimpulan, orang itu dapat mencapai pembebasan dalam masa enam bulan. Hal ini dinyatakan dalam *Tantra Vajra Panjara*, "Jika seseorang telah berlatih dengan keyakinan yang tidak tergoyah selama enam bulan, dia dapat memperoleh hasil Vajradhara." Hal ini juga disebutkan dalam *Sumpah Tantrik*, "Dengan iman yang kuat dan keyakinan, seseorang akan memperoleh hasil Vajradhara dalam enam bulan." Ini turut dinyatakan dalam *Chetsun Nyingthig* dan *Longchen Nyingthig*.

Oleh itu, Kesempurnaan Besar sangat transenden. Ju Mipham Rinpoche berkata dalam ajarannya, "Pada zaman yang merosot ini, makhluk hidup penuh dengan penderitaan yang dalam dan berat serta tidak mudah diringankan dengan kaedah dharma lain. Tetapi seseorang dapat memotong semua penderitaan dengan Kesempurnaan Besar yang teragung."

Di sini, Yang Mulia memberitahu kita disebabkan Kesempurnaan Besar sangat luar biasa, maka kita mesti tidak meninggalkan atau memfitnahnya. Sekiranya seseorang benar-benar tidak dapat membangkitkan kepercayaan terhadapnya, adalah tidak mengapa untuk membiarkannya sahaja, ataupun menimbulkan

keraguan itu di depan guru yang sah. Walau bagaimanapun, seseorang mesti tidak mempunyai idea negatif yang diprediksi mengenai Vajrayana tanpa alasan yang mencukupi.

### **b. Contoh Hebat dari Pengamal Dzogchen**

Saya telah menyaksikan beberapa pengamal Dzogchen yang mencapai kesedaran Dzogchen dan mempunyai penampilan yang baik sebelum kematian. Saya sangat kagum dengan seorang bhikshuni Han yang bernama Ming Hui dan di bawah ini adalah kisahnya.

Ming Hui sangat percaya pada Vajrayana. Pada asalnya, dia dirawat di kawasan Han kerana sakit. Kemudian, dia mengetahui bahawa Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche akan mengajar Dzogchen di Larung Gar. Dia berasa hidup tidak kekal serta tidak tahu dirinya dapat hidup berapa lama lagi dan berkeras untuk kembali menerima pengajaran. Yang Mulia memberi kuliah tentang ajaran Longchenpa mengenai *Penemuan Keselesaan dan Ketenangan dalam Minda* selama 100 hari dan dia belajar dengan tekun dalam tempoh itu.

Pada 1 September 1993, dia kembali ke daerah Han untuk menerima rawatan lanjut dari doktor setelah pengajaran telah berakhir. Pada 1 Mac 1994, pengasuh dan rakan dharmanya bhikkhuni Zhen Ru menghubungi saya dari Biara Jinfeng, iaitu tempat tinggal mereka, memberitahu bahawa Ming Hui telah



meninggal dan pada saat kematiannya, dia berada dalam posisi duduk yang khusyuk berdoa kepada guru keturunannya dan Amitabha. Tubuhnya mula mengecut dan bermacam-macam tanda kebaikan muncul. Adalah tepat enam bulan dari hari ketika dia selesai menerima ajaran sehingga kematiannya, bahkan tidak ada jurang sehari pun. Ini memang suatu kejadian yang sangat jarang berlaku.

Bhikkhuni Ming Hui tidak selalu kelihatan sangat pintar, tetapi imannya memang sangat kuat. Bagi mereka yang hebat kemampuan, prasyarat untuk mempraktikkan Kesempurnaan Besar ialah kepercayaan dan keyakinan mereka. Mereka yang mempunyai iman yang kuat terhadap guru mereka dan juga Tiga Mustika, terutamanya di Vajrayana, tidak akan kehilangan kepercayaannya walaupun sebelum meninggalkan dunia. Orang-orang ini pasti akan mencapai pencapaian yang hebat. Oleh itu, Yang Mulia membuat komen bahawa “Sangat sukar untuk menemui Kesempurnaan Besar pada zaman yang merosot ini, kerana ini merupakan jalan yang luar biasa.” Kita mesti terukir kata-kata tersebut dalam ingatan kita.

### **c. Amalan Awal Dzogchen**

Ramai pengikut Vajrayana masa kini percaya bahawa, untuk menemui sifat minda secara berkesan, seseorang itu perlu merenung dengan kesucian primordial ataupun kecerahan. Memang, seperti pengamal biasa, seseorang mesti mula dengan latihan awal, iaitu menerima pemerksaan dan diikuti amalan utama. Yang Mulia

Longchenpa, Mipham Rinpoche dan Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche telah menetapkan syarat-syarat yang ketat untuk latihan Dzogchen. Susunan amalan ini sangat penting untuk dipatuhi, jika tidak seseorang tidak dapat mencapai kesadaran yang betul. Ini seperti melukis motif yang cantik pada dinding bangunan sementara dasarnya masih belum stabil. Risikonya adalah seluruh bangunan akan runtuh setelah beberapa lama. Oleh itu, kita harus melukis motif pada dinding hanya setelah dasarnya dibuat selamat.

## Syarat-Syarat untuk Mempraktikkan Dzogchen

### C2: Syarat-Syarat untuk Mempraktikkan Dzogchen

**Mereka yang keberuntungan menemui pengajaran tertinggi ini, Pasti telah mengumpulkan pahala dalam setiap kelahiran pada masa lampau dan**

**Mempunyai syarat yang sama untuk mencapai pencerahan dengan Buddha Samantabhadra.**

**Sahabat Dharma sekalian, semoga anda semua gembira untuk diri sendiri.**

#### a. Syarat yang Sama dengan Buddha Samantabhadra

Di sini "*pengajaran tertinggi*" merujuk kepada pengajaran hebat Dzogchen, dan "*mereka yang keberuntungan*" merujuk kepada mereka yang telah menerima inisiasi atau mendengar pengajaran Kesempurnaan Besar, ataupun mereka yang mempunyai pertalian yang baik dengan Dzogchen. Yang Mulia mengatakan, "Bagi mereka yang berkesempatan untuk menemui Kesempurnaan Besar, ini

merupakan hasil daripada pahala yang terkumpul dalam banyak kehidupan. Untuk menemui pengajaran yang hebat ini, sebenarnya mereka berkongsi keadaan karma yang serupa dengan Buddha Samantabhadra. Oleh itu, semua rakan-rakan dharma seharusnya gembira.”

Kita semua bertuah dapat bertemu dengan guru kita dalam kehidupan ini, serta menerima ajaran mereka mengenai Vajrayana dan juga menerima pemerksaan dan petunjuk pith. Pertalian luar biasa dengan Vajrayana itu, merupakan hasil karma baik yang terkumpul dari banyak kehidupan lampau. Yang Mulia Longchenpa membuat dua kesimpulan dalam *Teori Khazanah Kenderaan Agung*.

1. Oleh kerana kita telah menemui Vajrayana yang teragung dalam kehidupan ini, kita pasti telah bersembah dan melayani sebilangan besar Buddha dalam kehidupan masa lalu kita, dan juga pernah menjadi pengikut atau murid mereka.

2. Oleh kerana kita telah menemui Vajrayana yang teragung, kita pasti akan mencapai pencerahan dalam kehidupan sekarang, semasa Bardo, ataupun pada kehidupan masa depan.

Jadi, menurut kesimpulan Logik Buddha, jika seseorang telah mendengar dan mempelajari Vajrayana, maka dia pasti mempunyai hubungan transendental dengan Vajrayana. Kami sebenarnya berkongsi keadaan yang serupa dengan Buddha Samantabhadra kerana kita dapat menemui Dzogchen dalam kehidupan sekarang. Dharma tantrik transendental inilah yang membolehkan Samantabhadra mencapai keadaan pembebasan diri pada saat

genting. Ini juga merupakan pengumpulan karma baik kita dalam banyak kehidupan lalu untuk menemui pengajaran tertinggi ini.

Seperti yang dikatakan dalam *Sutra Prajnaparamita*, orang yang tersesat dan mengembara di dalam hutan akan berasa dekat dengan sebuah kampung ketika dia terlihat seorang peternak. Dia tahu tidak perlu takut lagi pada kesesatan setelah terjumpa seorang peternak. Begitu juga setelah menemui seorang guru Vajra yang membimbing kita di jalan Vajrayana, kita bagai seekor ikan yang telah dipancing dan pasti akan ditarik ke darat dan akan segera dibebaskan.

#### **b. Jangan Melanggar Ikrar Vajrayana**

Namun, jika seseorang memfitnah Vajrayana atau mengkhianati guru dan ajarannya, maka akibatnya amat serius. Ikrar Vajrayana sangat ketat dan jika seseorang melanggarnya, orang ini memang akan mengumpulkan karma negatif yang dapat memimpinkannya ke alam rendah. Ini berlaku bukan hanya pada ikrar Vajrayana, tetapi juga ikrar Bodhisattva, bahkan ajaran untuk umat Buddha awam juga sangat ketat. Sekiranya seseorang menerima sarana Tiga Mustika pada hari ini tetapi keesokan hari pula mengkritik Tiga Mustika, dia pasti akan tenggelam ke dalam tiga alam rendah. Oleh itu, Yang Mulia dalam ajarannya yang lain mengatakan bahawa, asalkan seseorang tidak patah ikrar dalam kehidupan sekarang ini, dia akan berjaya dalam kehidupan seterusnya walaupun tidak berlatih dengan tekun. Pengamal

Vajrayana mesti mempunyai tekad untuk menjaga ikrar dalam kehidupan ini.

## **Sebab-sebab Membangkitkan Bodhicitta**

### **B2: Galakkan untuk Membangkitkan Minda Bodhicitta**

#### **C1: Sebab-sebab Membangkitkan Bodhicitta**

**Demi semua makhluk hidup yang tenggelam di lautan samsara yang ngeri,**

**Untuk menolong mereka mencapai kebahagiaan abadi Buddha, Anda harus memikul tanggungjawab untuk memberi manfaat kepada orang lain,**

**Dan buanglah sifat kelekatan yang ibarat makanan beracun dari diri anda.**

#### **a. Mengapa Kita Perlu Mengambil Tanggungjawab Altruisme?**

Kita harus memikul tanggungjawab besar untuk memberi manfaat kepada orang lain dan membuang ego yang bagai makanan beracun demi menolong makhluk hidup yang berkubang dalam seram samsara untuk mencapai kebahagiaan Buddha.

Secara umum, makhluk hidup dapat dikelaskan kepada dua kategori: makhluk tercerahkan yang telah memperoleh kedamaian dan kebahagiaan sementara ataupun muktamad, iaitu arhats, pratyekabuddhas, bodhisattva, dan juga buddha yang mencapai pahala dan kebijaksanaan yang sempurna; makhluk-makhluk yang keliru atau jahil dan tidak pernah merasakan kedamaian dan

kebahagiaan yang diperoleh dari pencerahan, serta diheret oleh karma dan berkubang di samsara yang penuh dengan keadaan berbahaya.

Samsara bermaksud mengembara atau bergerak tanpa gangguan. Terdapat makhluk dari enam alam di samsara, iaitu dewa, Asura, manusia, binatang, hantu lapar dan makhluk neraka. Semua makhluk ini berkeliaran di enam alam. Kadang-kadang, mereka ditingkatkan ke tiga alam yang lebih tinggi di mana penderitaannya tidak begitu sengit, tetapi tanpa rehat sebentar dengan cepatnya mereka diheret lagi ke dalam jurang tiga alam rendah oleh karma negatif mereka sendiri. Seperti yang dinyatakan oleh Chandrakirti dalam *Pengenalan ke Jalan Tengah*,

*Makhluk berfikir "Saya" terlebih dahulu, dan berpaut pada diri sendiri;*

*Mereka memikirkan "milik saya" dan terikat kepada benda.*

*Oleh itu, mereka tidak berdaya seperti baldi pada roda air,*

*Dan demi belas kasihan terhadap makhluk seperti itu saya tunduk!*

Berdasarkan ajaran yang sahih dan persepsi peribadi para buddha dan bodhisattva yang tercerahkan, dengan jelas kita telah belajar bahawa semua makhluk yang keliru sebelumnya ialah ibu bapa kita dan sekarang mereka dalam derita. Mereka pernah menjaga dan memelihara kita dengan penuh perhatian, dan begitu eratnya hubungan antara satu sama lain. Walaupun sekarang mereka tidak mengenali kita, seseorang yang mempunyai tahap kesedaran tertentu tidak akan membiarkan mereka diketepikan dan mengejar kedamaian dan kebahagiaan sendiri, malah akan lebih menjamin keamanan dan kebahagiaan terbesar mereka, iaitu membebaskan

mereka dari lautan samsara yang mengerikan buat selama-lamanya dan mencapai pencerahan tertinggi.

Oleh itu, kita mesti memikul tanggungjawab altruisme untuk menolong mereka memperoleh kebahagiaan duniawi dengan memberikan makanan dan pakaian yang baik. Sementara itu, membimbing mereka untuk mencapai kebahagiaan hakiki melalui merealisasikan arhats, bodhisattva dan buddha. Kita mesti menghilangkan sebanyak mungkin rasa pentingkan diri sendiri yang bagai racun; jika tidak pembalasannya amat serius. Ini telah dinyatakan oleh Shantideva dalam *Jalan Bodhisattva*,

*Sekiranya demi kepuasan diri, saya memudaratkan orang lain,  
Saya kemudian akan menderita di alam neraka.*

*Sekiranya untuk kepentingan orang lain saya merugikan diri sendiri,  
Setiap kecemerlangan akan menjadi warisan saya.*

#### **b. Buangkan Kelekatan pada Diri Sendiri yang bagai Racun**

Pada masa lalu, ketika Ra Lotsawa sedang bertafakur kepada dewanya di tempat sunyi, dia terasa ingin menetap di tempat retreat seperti ini buat seumur hidupnya. Namun pada suatu hari, dewa itu memberitahunya, “Anda juga boleh keluar untuk memberi manfaat kepada makhluk hidup. Pahalanya akan menjadi jauh lebih hebat daripada rajin bertafakur pada dewa anda dalam pengasingan yang tenang selama berbilion tahun.” Oleh itu, pahala untuk menolong orang lain dengan fikiran altruistik jauh lebih besar daripada penebusan egois selama bertahun-tahun.

Sekali lagi Shantideva berkata dalam *Jalan Bodhisattva*,  
*Semua kegembiraan yang terkandung dalam dunia*  
*Datang dari mendoakan kebahagiaan untuk orang lain.*  
*Semua penderitaan yang terkandung dalam dunia*  
*Datang dari mendoakan kesenangan untuk diri sendiri.*

Oleh itu, kita tidak boleh membiarkan Bodhicitta kita melayang semasa berlatih. Patrul Rinpoche juga mengatakan, “Jika anda berlatih Kesempurnaan Besar yang teragung tanpa premis Bodhicitta, ia akan menjadi amalan Hinayana atau Tirthika”.

Justeru itu, Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche mengatakan bahawa mementingkan diri sendiri adalah seperti racun. Ini merupakan metafora yang sangat baik dan harus kita merenungnya dengan kerap. Orang yang sangat mementingkan diri sendiri akan gagal dengan cepat ataupun kemudiannya walau di mana jua. Sebilangan besar daripada hujah, penderitaan, dan pertengkaran kita adalah hasil daripada mementingkan diri sendiri. Ini tidak akan berlaku jika sebaliknya. Justeru itu, kita harus berusaha menuju ke arah ini dan menjadi bodhisattva yang sebenar.

Sebenarnya, kita tidak perlu ambil hati terhadap apa yang dikatakan orang lain, sebaliknya harus melakukan apa sahaja yang mungkin dapat memberi manfaat kepada orang lain ketika kita masih hidup dan berkemampuan. Apa yang kita lakukan sama ada orang menyedari ataupun tidak itu tidak mengapa. Saya percaya bahawa sebahagian daripada perkara yang telah kita lakukan mungkin tidak pernah diketahui oleh orang lain dalam sepanjang hayat kita, tetapi semua buddha dan bodhisattva serta guru kita tahu



dengan jelasnya. Hukum sebab-akibat juga akan berlaku. Oleh itu, tiada gunanya menolong orang lain demi reputasi dan kemasyhuran kita sendiri. Daripada dicemari oleh semua jenis masalah duniawi, kita seharusnya bertekad untuk mencuba yang terbaik bagi memberi manfaat kepada orang lain.

## **Pahala Membangkitan Bodhicitta**

### **C2: Pahala Membangkitan Bodhicitta**

**Ini bukan sahaja dapat menyekat pintu ke alam rendah,  
Malahan membolehkan anda mencapai kebahagiaan  
alam tinggi,**

**Dan akhirnya membawa anda ke pembebasan hakiki  
dari samsara,**

**Anda harus mengamalkan pengajaran penting ini tanpa  
terganggu sama sekali.**

#### **a. Pahala Bodhicitta**

Pahala membangkitkan Bodhicitta termasuklah: menyekat pintu ke alam rendah, membolehkan kita memperoleh kedamaian dan kebahagiaan yang sementara di alam manusia dan tuhan yang lebih tinggi, dan membolehkan kita mencapai pembebasan secara muktamad dari samsara. Dengan memahami hakikat ini, setiap pengamal dharma mesti mempraktikkan pengajaran penting ini tanpa gangguan.

Kelebihan bodhicitta, baik bodhicitta aspirasi mahupun bodhicitta tindakan, adalah tidak terukur dan tidak terbatas. Perkara

ini telah dibahas secara terperinci dalam *Kompendium Latihan, Jalan Bodhisattva*, dan banyak sutra Mahayana yang lain. Secara ringkasnya, pahala bodhicitta dapat dinyatakan dalam dua cara:

1. Sekiranya seseorang membangkitkan bodhicitta yang tulen, semua karma negatif dapat dihilangkan dalam kesinambungan fikiran seseorang, akibatnya pintu ke alam yang lebih rendah dapat disekat. Shantideva berkata:

*Ibarat kebakaran pada akhir zaman,  
Dosa besar ditelan sepenuhnya oleh bodhicitta.  
Oleh itu faedahnya tidak terbatas,  
Yakni yang dijelaskan oleh Maitreya yang Bijaksana  
kepada Sudhana.*

Dosa-dosa besar merujuk kepada karma negatif yang sukar disuci, seperti yang terkumpul melalui lima kejahatan dengan pembalasan segera, ataupun mengkritik Dharma. Tetapi semuanya dapat dimansuhkan ketika bodhicitta timbul dalam minda seseorang, seperti api di akhir zaman yang membakar seluruh dunia. Sekiranya karma negatif seseorang dibersihkan, maka tiada peluang untuk jatuh ke alam rendah.

Oleh itu, Yang Mulia mengatakan bahawa seseorang yang memiliki bodhicitta tidak mungkin jatuh ke alam rendah. Kita mesti berusaha sebaik mungkin untuk melahirkan bodhicitta sebelum mati dan memastikannya tidak terjejas setelah timbul. Dengan cara ini, kita tidak akan lahir semula di alam yang lebih rendah.

2. Dengan bodhicitta, akar mulia seseorang akan semakin bertambah kuat. Oleh itu, dia dapat memperoleh kelahiran semula sebagai manusia atau tuhan untuk menikmati semua kedamaian dan kebahagiaan duniawi pada alam yang lebih tinggi. Tambahan lagi, dia dapat menyempurnakan semua pahala lima jalan dan sepuluh bhumis serta mencapai hasil kebuddhaan yang terbaik dan teragung.

Oleh itu, faedah bodhicitta sememangnya sangat besar kepada makhluk hidup. Shantideva juga berkata,

*Ubat penawar penghilang rasa sakit,  
Punca kegembiraan bagi mereka yang mengembara ke  
seluruh dunia —  
Sikap berharga dan fikiran permata ini,  
Mampukah ia diukur atau dikualifikasi?*

### **b. Kesimpulan oleh Para Buddha**

Ini merupakan kesimpulan yang dibuat oleh para buddha melalui kontemplasi jangka panjang, diiringi kebijaksanaan mereka yang teragung dalam banyak tahun. Seperti beberapa saintis yang mengabdikan diri dalam membuat penyelidikan bagi jangka masa yang panjang supaya mereka dapat mencipta sesuatu yang mereka percaya bahawa dapat membawa manfaat yang besar untuk seluruh umat manusia. Begitu juga, Buddha mendapati bahawa bodhicitta dapat membawa paling banyak faedah untuk semua makhluk hidup. Setelah pemerhatian berulang dalam jangka masa yang panjang, didapati makhluk hidup yang tidak terkira dapat memperoleh hasil

buddha tertinggi secara mudah dengan membangkitkan Bodhicitta dalam fikiran mereka. Oleh itu Shantideva berkata,

*Para Buddha yang perkasa bertafakur secara mendalam selama berabad-abad,*

*Telah mendapati bahawa ini dan hanya ini akan menyelamatkan  
Orang ramai yang tidak terbatas,*

*Dan membawa mereka ke kegembiraan tertinggi dengan mudah.*

Justeru itu, Yang Mulia mendorong semua muridnya memupuk bodhicitta dan mempraktikkan pengajaran penting ini tanpa terganggu. Kita tidak boleh kehilangan arah dan membiarkan minda kita tergodanya oleh lapan kebimbangan duniawi. Kita harus mempraktikkan petunjuk pith bodhicitta dengan bersungguh-sungguh kerana itu adalah pendekatan yang paling penting dan berharga di antara semua amalan.

## **Pahala Mematuhi Sila**

### **B3: Galakan untuk Membangkitkan Nekkhamma**

#### **C1: Pahala Mematuhi Sila**

**Bagi acara-acara besaran di Samsara, tiada sebarang nafsu keinginan,**

**Praktikkanlah sila murni yang merupakan perhiasan indah di dunia,**

**Di mana manusia dan tuhan turut memberikan persembahan tertinggi.**

### a. Nekkhamma yang Sebenar

Untuk mencapai pembebasan hakiki dari samsara, kita tidak boleh mempunyai sebarang keinginan terhadap kekayaan dan acara mempesona di duniawi yang biasa ini. Sebaliknya, kita harus mengamati sila murni dengan teliti, di mana manusia dan tuhan turut memberikan persembahan yang transenden.

Bagi mereka yang ingin mencapai pembebasan dan melepaskan diri dari reinkarnasi, pencapaian kemasyhuran, kuasa, status sosial yang tinggi dan kenikmatan sensual adalah tidak bermakna dan mereka tidak akan membangkitkan keinginan terhadap semua itu. Bagi mereka, kereta-kereta dan rumah-rumah mewah seolah-olah objek dalam mimpi, ilusi, ataupun gelembung. Ini bukan hanya alasan semata-mata, tetapi mereka benar-benar merasakan tiga alam ini ibarat rumah terbakar dan tiada seketika pun kebahagiaan. Merekalah orang yang mempunyai Nekkhamma yang sebenar.

Namun, banyak orang pada awalnya, seperti Nanda, menghadapi masalah untuk meninggalkan kerinduan dan keterikatan terhadap kehidupan duniawi dengan sepenuhnya. Tetapi jika kita mengkaji ajaran Buddha buat jangka masa panjang, kita pasti akan menyedari samsara itu sebenarnya tidak selamat dan seterusnya membangkitkan Nekkhamma dalam diri kita.

Oleh itu, bagaimanakah cara untuk membangkitkan Nekkhamma? Tiada pendekatan yang lebih baik daripada memikirkan empat fikiran yang boleh mengubah minda kita dari

samsara: 1) dilahirkan sebagai makhluk manusia adalah kesempatan yang amat berharga; 2) ketidakkekalan hidup; 3) kekurangan samsara; dan 4) ketepatan undang-undang sebab dan akibat. Setelah kami menyelesaikan empat amalan awal yang umum ini, Nekkhamma sejati akan muncul secara mutlak dalam kesinambungan pemikiran kita. Pada masa itu, sepanjang siang dan malam kita akan sangat mengharapkan pembebasan dari samsara, sama seperti banduan yang tidak sabar untuk dibebaskan dari penjara.

Lama Tsongkhapa berkata dalam karyanya *Tiga Aspek Utama Jalan*,

*Kebebasan dan anugerah sukar didapati  
Dan hidup tidak mempunyai masa terluang.  
Dengan memahami perkara ini,  
Tarikan terhadap penampilan kehidupan ini diterbalikkan.*

*Dengan berfikir berulang kali  
Tindakan dan akibatnya tidak dapat dikhianati,  
Dan sentiasa merenungkan penderitaan kewujudan kitaran  
Tarikan terhadap penampilan kehidupan masa depan diterbalikkan.*

*Apabila berlatih dengan cara itu,  
Tiada timbul, walaupun sesaat,  
Tarikan terhadap kesempurnaan kewujudan kitaran,  
Dan niat untuk kebebasan timbul sepanjang siang dan malam —  
Kemudian Nekkhamma telah pun dihasilkan.*

## b. Perhiasan Dunia yang Indah

Setelah membangkitkan Nekkhamma, kita harus menerima dan mematuhi sila murni, yaitu perhiasan yang paling indah di dunia dan juga disembahkan oleh manusia dan dewa. Ajaran sila merupakan asas kepada semua sifat terpuji. Hal ini dinyatakan dalam *Sutra Kebebasan Individu* bahawa, "Ia merupakan jambatan untuk menuju ke nasib yang baik." Adalah tidak wajar bagi penganut Buddha monastik untuk menghiasi diri mereka dengan perhiasan seperti anting-anting dan gelang. Namun, seseorang pengamal yang mempunyai sila suci, iaitu perhiasan yang paling bermartabat, adalah layak untuk menerima sujud, penyembahan dan persembahan dari manusia dan tuhan.

Setiap makhluk hidup mempunyai kapasiti yang berbeza dan dapat menerima sila pelbagai peringkat mengikut kemampuan mereka. Sekiranya seseorang mempunyai Nekkhamma yang lebih kuat, maka dia dapat menerima pentahbisan dan mematuhi sila sramanera atau sramanerika, serta sila bhikkhu atau bhikkhuni. Sekiranya keadaan tidak mengizinkan dia meninggalkan rumah dan hidup dalam komuniti monastik, sekurang-kurangnya haruslah mematuhi salah satu pancasila yang dipatuhi oleh pengamal umum, ataupun menerima ikrar sarana dengan panduan Nekkhamma. Seseorang pengamal kemungkinan besar tidak dapat mengumpulkan apa-apa pahala jikalau ajaran ini tiada dipatuhi dengan serius. Dalam *Surat Untuk Seorang Rakan* oleh Nagarjuna, dinyatakan,

*Pertahankan sumpah anda supaya tidak patah tergugat,  
Tidak rosak, dan cukup bebas dari noda.  
Ibarat bumi sebagai tapak untuk semua yang tetap  
mahupun bergerak,  
Mengenai disiplin, dikatakan, diasaskan semua yang baik.*

Bumi merupakan asas bagi segala di planet ini. Begitu juga, semua pahala dilahirkan dengan asas sila. Sekiranya kita tidak menerima dan mematuhi walaupun satu sila, itu akan menyukarkan kita untuk mencapai kelahiran semula sebagai manusia atau makhluk langit, apatah lagi untuk mencapai pembebasan. Sebab itulah dalam *Tiga Puluh Tujuh Amalan Bodhisattva*, Thogme Zangpo mengatakan,

*Sekiranya kekurangan disiplin, seseorang tidak dapat mencapai  
kebaikan sendiri,  
Adalah menggelikan sekiranya berfikir lagi untuk mencapai  
kebaikan orang lain.  
Oleh itu, untuk mematuhi disiplin  
Amalan seorang bodhisattva adalah tanpa motif samsarik.*

## **Kesalahan Melanggar Sila**

### **C2: Kesalahan Melanggar Sila**

**Memandangkan kebahagiaan sementara mahupun hakiki kesemuanya dihasil daripada mematuhi sila murni,**

**Sebaliknya melanggar sila akan menyebabkan seseorang mendapat kelahiran semula di alam yang lebih rendah,**

**Anda mesti tahu membuat pilihan yang tepat tanpa kebingungan.**



Manfaat sementara kelahiran semula di alam manusia dan tuhan serta kebahagiaan utama pencerahan dan pembebasan, semuanya berasal daripada mematuhi sila murni. Sekiranya seseorang melanggar ikrar dan tidak bertaubat dengan sepenuhnya, dia pasti akan jatuh ke dalam salah satu tiga alam rendah. Oleh itu, adalah penting bagi seseorang pengamal untuk membuat pilihan yang tepat dalam tingkah laku sendiri supaya tidak jatuh ke dalam kekeliruan.

Ini dinyatakan dalam *Sutra Kebebasan Individu* bahawa satu-satunya destinasi bagi mereka yang melanggar sila ialah tiga alam rendah, iaitu makhluk neraka, hantu lapar, dan haiwan. Oleh itu, dikatakan juga dalam *Sutra Ringkas Prajnaparamita*, "Mereka yang melanggar sila tidak dapat membantu diri mereka sendiri, apatah lagi memberi manfaat kepada orang lain."

Sila murni menjadi semakin sukar pada zaman yang merosot ini. Khususnya, orang monastik lebih sukar untuk mematuhi sila yang tidak tercemar pada zaman maklumat yang sangat dikomersialkan ini. Televisyen, komputer riba dan telefon bimbit memberikan rangsangan deria yang berterusan dan menggoda orang. Kesannya, ramai yang tidak mempunyai Nekkhamma sejati dalam minda mereka. Orang yang boleh tinggal di kawasan terpencil dan tempat bersendirian sambil mempraktikkan Dharma secara tumpu, seperti yang dilakukan oleh para praktisi pada zaman dahulu adalah sangat kurang.

Namun, selagi kita mempunyai tahap Nekkhamma tertentu dan keinginan yang tulus untuk mencapai pencerahan, adalah mustahak untuk kita menerima Tisarana dan mematuhi pancasila. Sekiranya seseorang melanggar sumpah ini, dia harus menerimanya semula di hadapan guru yang berkeelayakan.

Sebabnya adalah kerana, dengan cara yang sama bunga, rumput, dan pokok dapat tumbuh di bumi, semua jasa pula bertumbuh dan berkembang berdasarkan sila. Dalam salah satu teksnya, *Jalan Utama Menuju Pencerahan*, Lama Tsongkhapa secara khususnya merujuk kepada ajaran dalam sutra yang mengatakan bahawa pada zaman yang merosot, pahala mengamalkan sila bahkan satu hari juga dapat melebihi pahala membuat persembahan kepada Buddha dan Bodhisattva dalam ribuan juta tahun. Oleh itu, kita tidak harus keliru dan kehilangan arah di zaman yang merosot ini. Kami haruslah sangat berwaspada dalam membuat pilihan untuk menerima sebab dan syarat yang akan melindungi sila kita dan mengelakkan situasi yang mencenderungkan kita mematahkan ikrar kita. Inilah matlamat yang sedang kita perjuangkan!

## Sebab-sebab Membangunkan Keperibadian Berakhlak

### B4: Mendorong untuk Membangunkan Keperibadian Berakhlak

#### C1: Sebab-sebab Membangunkan Keperibadian Berakhlak

**Sentiasa mematuhi rakan-rakan anda dalam perkataan dan perbuatan,**

**Jadilah seorang yang berintegriti dan baik hati.**

**Bagi mendapatkan keuntungan diri sendiri untuk jangka masa panjang,**

**Memberi manfaat kepada orang lain pada masa sekarang adalah petunjuk pithnya.**

#### a. Kepentingan Keperibadian Berakhlak

Keperibadian yang terpuji bermaksud kita harus sentiasa mematuhi ahli keluarga dan rakan kita dalam percakapan dan tingkah laku kita. Kita perlu menjadi seorang yang berintegriti dan baik hati. Jika kita ingin menguntungkan diri sendiri buat jangka masa panjang, intinya ialah memberi manfaat kepada orang lain pada masa kini.

Amalan Dharma memerlukan keperibadian yang luhur, ini merupakan pengajaran penting yang diringkaskan oleh Yang Mulia dalam pengajarannya yang bertahun-tahun. Yang Mulia menetapkan bahawa sesiapa yang belajar di Larung Gar mesti mengikuti tiga peraturan, iaitu 1) memupuk keperibadian yang baik; 2) mematuhi sila murni; 3) mendengar, refleksi, dan bertafakur mengenai pengajaran Dharma.

Seseorang itu tidak kira sama ada mempelajari ajaran Mahayana ataupun Vajrayana, adalah mustahak untuk memiliki keperibadian yang baik; jika tidak, mustahil untuknya mencapai kemajuan dalam amalan Dharma. Ju Mipham Rinpoche mengata dalam *Kata-kata Pada Kod Duniawi dan Transmundane*,

*Peraturan duniawi adalah asas buddhadharma,  
Jika seseorang tidak bertindak dengan mulia di dunia,  
Dia tidak akan memahami prinsip tertinggi buddhadharma,  
Apatah lagi untuk mencapai pencerahan.*

### **b. Apakah Keperibadian Berakhlak?**

Dalam ayat ini, Yang Mulia menentukan piawaian terhadap keperibadian berakhlak dan berharap kita dapat mengingatnya dengan baik.

*“Sentiasa mematuhi rakan-rakan anda dengan kata-kata dan perbuatan.”* Kita mesti selalu berdamai dengan ahli-ahli keluarga dan rakan-rakan kita tanpa mengira usia dan status mereka. Dari perspektif duniawi, seseorang yang mempunyai sifat yang baik akan menghormati kepada orang yang berstatus lebih tinggi, belas kasihan kepada orang yang kurang istimewa, dan bergaul secara harmoni dengan mereka yang setaraf dengannya.

Terdapat satu metafora di wilayah Tibet: “Ketika seratus yaks sedang menaiki gunung, Gaba (ampas, yak yang baka rendah) berlari menuruni bukit.” Ini adalah ilustrasi yang sangat jelas. Seorang lelaki yang mempunyai keperibadian negatif selalu bertengkar dengan

orang lain. Semua orang terus berasa lega apabila seseorang seperti ini pergi. Ini bagai pterygium telah dikeluarkan dari mata seseorang; pemergian mereka adalah alasan untuk perayaan.

Seperti yang dikatakan oleh Buddha, “Saya akan mematuhi orang-orang duniawi.” Sekiranya Buddha bersikap demikian, maka kita manusia biasa haruslah melakukan perkara yang sama. Semestinya, pematuhan itu tidak bermaksud tanpa prinsip. Pematuhan tidak bererti seorang harus mematuhi ketamakan atau kebencian orang lain sebaliknya perbuatan yang rasional dan sesuai dengan Dharma. Dengan cara ini, kita akan bergaul secara harmoni dengan semua orang.

*“Jadilah seorang yang berintegriti.”* Apa saja yang kita katakan dan lakukan, mestilah adil, jujur dan tidak berat sebelah. Kita mesti bebas dari keterikatan diri dan kebencian terhadap orang lain. Selain itu, kita tidak boleh meletakkan diri kita pada kedudukan yang dominan atau menilai perkara secara tidak adil. Kita mesti mematuhi kebenaran dan tidak memihak. Oleh itu, menjadi seorang yang berintegriti adalah mustahak. Maka, tidak kira bagaimana kita disalahfahami ataupun difitnah, kita sememangnya tidak dapat dicerderakan. Sifat kita yang baik dan jujur akan bersinar seperti emas tulen dan tidak akan tercemar oleh halangan ataupun kegelapan.

*“Berbaik hati”*, jika penampilan seseorang kelihatan berintegriti dan bersedia mematuhi orang lain, tetapi jahat dalam fikiran, maka kualiti moralnya perlu dipersoalkan. Minda adalah akar segalanya. Lama Tsongkhapa pernah berkata,

*Sekiranya niat itu baik, tahap dan jalannya adalah baik.*

*Sekiranya niat itu buruk, tahap dan jalannya adalah buruk.*

*Memandangkan semuanya tergantung pada niat,*

*Sentiasa pastikan mereka positif.*

Sekiranya seseorang berhati baik, segalanya akan cerah; tetapi jika seseorang tidak menetapkan hatinya, maka akan melangkah menuju ke kegelapan.

Ketiga-tiga prinsip untuk menjadi orang yang baik ini adalah sangat penting. Yang Mulia selanjutnya menunjukkan bahawa, jika kita ingin menguntungkan diri sendiri buat jangka masa panjang, memberi manfaat kepada orang lain pada masa ini merupakan pith yang sangat berkesan. Sebagai manusia biasa, adalah tidak praktikal jika kita tidak memikirkan kesejahteraan sendiri. Namun, sekiranya kita mencederakan orang-orang sampingan kita dalam proses untuk mencapai tujuan sendiri, maka kita tidak akan berjaya. Menolong yang lain demi kepentingan kita sendiri mungkin kedengaran licik, sememangnya lebih baik jika tidak mempunyai pemikiran seperti itu. Walau bagaimanapun, jika anda benar-benar tidak dapat membangkitkan fikiran yang benar-benar altruistik, sekurang-kurangnya anda berusaha untuk bersikap ramah terhadap orang lain demi keuntungan dan kelangsungan hidup anda sendiri.

Yang Mulia pernah bergurau, “Setelah pengalaman hidup yang bertahun-tahun, saya perhatikan bahawa banyak orang mempunyai kebijaksanaan duniawi yang amat sedikit. Mereka mementingkan diri sendiri dengan hanya berusaha untuk menguntungkan diri sendiri walaupun ini tidak semestinya strategi yang baik. Contohnya,

orang muda mencintai seseorang dan mereka berusaha sedaya mungkin untuk memiliki pihak lain dengan menyekat kebebasan mereka. Hasilnya selalu tidak produktif. Seseorang mungkin mengambil pendekatan yang berbeza seperti menyokong dan menolong orang yang mereka kasihi dengan sepenuh hati. Dengan berbuat demikian, mereka cenderung diterima oleh kekasih mereka. Semasa mempelajari buddhadharma, jika kita tidak menyedari betapa pentingnya berakhlak mulia dan tidak berusaha dalam memupuk ciri-ciri yang baik, maka kita tidak akan mencapai tahap pencerahan dalam praktik kita.”

## **Pahala Memelihara Keperibadian Berakhlak**

### **C2: Pahala Memelihara Keperibadian Berakhlak**

**Ini merupakan piawai untuk seseorang menjadi insan yang suci dan murni,**

**Dan merupakan cara mahir dari semua Buddha masa lalu, masa kini mahupun masa depan,**

**Ini juga merupakan inti dari pengajaran empat dharma tarikan.**

**Wahai setiap anak muridku, janganlah anda semua lupakan!**

#### **a. Pahala Memelihara Keperibadian Berakhlak**

Dari perspektif sekular dan etika semata-mata, keperibadian berakhlak dilihat sebagai sinonim dengan menjadi orang yang baik. Dari perspektif untuk menemui pencerahan, itu adalah cara yang paling mahir untuk mencapai Kebuddhaan bagi semua Buddha pada masa lalu, masa kini dan masa depan. Ini juga merupakan inti dari

empat dharma tarikan yang diikuti oleh Bodhisattva. Semua umat Buddha harus mengingati perkara ini dan janganlah lupa.

Keperibadian berakhlak adalah "*Standard-standard murni untuk menjadi seorang yang baik*", iaitu prinsip asas yang mengatur kehidupan seorang manusia yang baik. Semasa zaman utama Buddhisme dalam sejarah Tibet, Maharaja Songtsän Gampo telah menetapkan *Enam Belas Pedoman* untuk menjadi orang yang baik, termasuklah mengembangkan ketaatan terhadap Tiga Mustika; mencari dan mengamalkan Dharma yang suci; membalas budi baik ibu bapa; bersikap jujur, mengurangkan rasa cemburu dan sebagainya.

Keperibadian berakhlak bukan hanya diperlukan sebagai peraturan untuk kehidupan duniawi, terlebih-lebih lagi sebagai pedoman untuk kehidupan yang tercerahkan. Sebenarnya, itu merupakan jalan yang paling "*terampil*" untuk mencapai Kebahagiaan Buddha oleh semua Buddha pada masa lalu, masa kini dan masa depan. Tidak kira Buddha mana yang dimaksudkan, beliau pastinya telah menjadi seorang yang baik semasa peringkat kausal.

Walaupun mengetepikan pencapaian kesedaran dan pencerahan mereka, dengan mudah juga kita boleh menyatakan bahawa master yang benar-benar tercerahkan sangat menarik dari segi karisma peribadi mereka. Saya telah mengikuti dan bergantung kepada banyak guru kerohanian yang hebat dalam hidup saya. Daya tarik kata-kata dan perbuatan mereka melebihi imaginasi orang biasa. Guru-guru yang hebat ini, sebagai hasil daripada keperibadian



berakhlak mereka, telah mencapai tahap unik yang mengatasi dunia sekular.”

Keperibadian berakhlak juga merupakan “*inti dari empat dharma tarikan*” yang termasuk: (1) memberi apa saja yang orang lain sukai, untuk memimpin mereka supaya mencintai dan menerima kebenaran; (2) menuturkan kata-kata lembut, untuk tujuan yang sama; (3) memberi manfaat kepada orang lain, untuk tujuan yang sama; (4) bekerjasama dan menyesuaikan diri dengan orang lain, untuk memimpin mereka ke arah kebenaran. Ini adalah empat misi utama bodhisattva supaya memberi manfaat kepada makhluk hidup. Semua ini mesti berdasarkan keperibadian berakhlak. Dengan keperibadian berakhlak, seseorang bersedia memberi, mengucapkan kata-kata yang menyenangkan, memanfaatkan orang lain, dan bekerjasama serta menyesuaikan diri dengan orang lain bagi memimpin mereka menuju ke pencerahan.

### **b. Nasihat Hikmah oleh Yang Mulia**

Oleh sebab itu, Yang Mulia memberikan nasihat hikmah ini: “Bagi pelajar saya yang percaya kepada saya, anda haruslah sentiasa ingat supaya menjadi seorang yang berbudi pekerti pada masa sekarang dan juga akan datang. Sekiranya anda tidak dapat menjadi seorang yang baik, maka semua kultivasi lain anda seperti pokok tanpa akar dan tidak akan tumbuh serta berkembang.”

Pada masa lalu, Master Kadampa yang dihormati akan memperhatikan keperibadian pelajar terlebih dahulu sebelum mengakui mereka sebagai anak muridnya. Sekiranya pelajar itu bukan seorang yang baik, master tidak akan menerimanya sebagai murid mahupun menyampaikan keturunan Dharma kepadanya. Sebaliknya, jika seorang pelajar itu merupakan orang yang baik tetapi tidak terlalu pintar, master tetap mengharapkan dia menjadi seorang pelajar yang baik. Oleh itu, elemen kritikal di sini adalah keperibadian mulia dan bukannya kecerdasan. Orang yang baik tidak semestinya mempunyai penampilan yang khusyuk, ataupun suara yang indah dan bersopan santun; namun mereka mesti berhati baik.

Orang biasa sering berlaku perselisihan dalam masalah remeh. Beberapa bhikkhu atau bhikkhunis dalam sangha di sekitar Buddha turut mengalami masalah seperti ini. Tetapi secara keseluruhan, tidak kira sekolah mana yang diikuti, baik dari latar belakang Mahayana mahupun Vajrayana, sangha perlu kekal sebagai komuniti yang menyenangkan serta mempunyai suasana yang harmoni dan padu. Bagi saya, ini juga merupakan manifestasi dari keperibadian berakhlak.

Ringkasnya, Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche membincangkan empat pith utama dalam teks ini, iaitu kebijaksanaan bukan dwi dalam konteks ajaran Mahayana dan Vajrayana, Bodhichitta, Nekkhamma, dan keperibadian berakhlak. Keempat-empat piths ini adalah inti dari 84,000 ajaran Dharma yang

diringkaskan melalui kajian teori dan kesedaran peribadinya. Setiap daripada kita mesti mengingatkannya dengan tegas.

## Dedikasi

### A3: Penutup

#### B1: Dedikasi

**Saya mendedikasikan kebajikan ini kepada semua makhluk,  
Semoga mereka mengatasi jurang samsara.  
Semoga semua murid hati saya bahagia,  
Dan terlahir ke Alam Sukhavati.**

Pahala dan akar mulia daripada pengkaryaan teks ini dipindahkan kepada semua makhluk yang pernah menjadi ibu kita. Semoga mereka mengatasi jurang enam alam samsara yang mengerikan. Sementara itu, inti dari 84,000 kaedah dharma telah diringkaskan dalam empat petunjuk piths yang dinyatakan di atas; bagi mereka yang beriman kepada Yang Mulia Jigme Phuntsok Rinpoche dan agama Buddha, semoga kebahagiaan besar muncul di dalam hati dan fikirannya. Semoga semua makhluk hidup, dengan pertalian yang baik, dilahirkan semula di Alam Barat Sukhavati dan mencapai puncak kedamaian serta kebahagiaan dan seterusnya memanfaatkan makhluk hidup yang tidak terukur pada masa depan.

## Latar Belakang Pengarangan Lagu

### B2: Latar Belakang Pengarangan Lagu

**Pada kitaran ketujuh belas dalam kalender Tibet dan juga tahun tikus api, Guru dan para murid telah mengatasi semua halangan luaran, dalaman, dan rahsia. Pada hari yang menggembirakan ini, Ngawang Lodro Tsungmed meraikan kemenangan itu dan menyanyi secara langsung di kalangan hampir lima ribu orang rahib, Sādhu!**

Terdapat enam puluh tahun dalam kitaran penuh kalender Tibet. Catatan kronologi sejarah Tibet bermula pada tahun 1027 Masihi. Ketika Yang Mulia mengkaryakan *Lagu Kemenangan*, ini merupakan tahun kitaran ketujuh belas dalam kalender Tibet pada tahun tikus api, (21 September, 1996). Seperti yang telah disebutkan sebelumnya, ini adalah ketika Yang Mulia kembali ke biara setelah mengatasi semua halangan luaran, dalaman dan tantrik, dan mengadakan perjumpaan gembira dengan semua muridnya. Biara mengaturkan Puja Hiburan Vajra untuk majlis istimewa ini dan seluruh kisah tentang penyakit dan kesembuhan Yang Mulia diceritakan, termasuklah beberapa puisi yang pada awalnya dinyanyikan oleh Yang Mulia Dromtonpa dan Rinpoche Ju Mipham turut dipersembahkan sebagai rahmat kepada Yang Mulia.

Ngawang Lodro Tsungmed ialah nama Dharma Yang Mulia. Dia dikelilingi oleh hampir lima ribu orang biara dan menyanyikan *Lagu Kemenangan* secara langsung, Sādhu! Sādhu!



For Non-Commercial Use Only